

15 MAR 1997

Mahathir-Anugerah

DR MAHATHIR TERIMA ANUGERAH DARIPADA RAJA PERLIS

KANGAR, 15 Mac (Bernama) -- Raja Perlis hari ini mengurniakan bintang Anugerah Cemerlang Diraja (Tuanku Raja Perlis) kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir merupakan penerima pertama anugerah tertinggi Yayasan Tuanku Syed Putra Perlis (YTSP) sebagai mengenang jasa dan perkhidmatan cemerlangnya kepada rakyat dan negara.

Majlis penganugerahan itu berlangsung di Balai Rong Seri Istana Arau di sini dan turut dihadiri Raja Perempuan Perlis, Raja Muda, Raja Puan Muda, isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim dan isteri Datin Seri Shamsiah Md Yassin.

Dr Mahathir diumumkan sebagai penerima anugerah itu pada 5 Dis lepas sempena ulangtahun peringatan Jubli Emas Pemerintahan Raja Perlis.

Raja Muda sebagai Pengerusi yayasan berkenaan bertitah, penganugerahan itu merupakan penghargaan tertinggi kepada Dr Mahathir bukan sahaja daripada YTSP dan Raja Perlis tetapi daripada seluruh rakyat negeri ini.

Titah baginda kriteria bagi anugerah berkenaan antara lain ialah penerima mencapai kecemerlangan dalam bidang tertentu untuk negara dan mendapat pengiktirafan tinggi sama ada dalam atau luar negara.

Pemilihan Dr Mahathir untuk menerima anugerah itu adalah tepat sekali, jelas Baginda.

Perdana Menteri dalam ucapan balasnya menganggap penganugerahan itu sebagai suatu penghormatan terhadapnya dan tanggungjawab baginya memenuhi harapan tinggi yang diletakkan rakyat.

Beliau berkata kejayaan yang dicapai negara adalah hasil sokongan dan kerjasama seluruh rakyat serta pemimpin.

"Kita di Malaysia sesungguhnya bertuah kerana bukan sahaja stabil dan rakyat hidup aman damai namun kestabilan politik membolehkan pemimpin merancang program pembangunan untuk faedah masyarakat," katanya.

Sehubungan itu adalah menjadi tanggungjawab semua pihak menjaga keadilan dan keamanan negara.

Menyentuh pembangunan teknologi maklumat, Dr Mahathir berkata negara tidak boleh berdiam diri dengan hanya memerhati kemajuannya tanpa membuat sebarang persediaan kerana dengan sikap itu negara akan ketinggalan seperti negara-negara yang enggan menerima perindustrian, telah tertinggal dan tidak maju.

"Sebab itu kerajaan menubuhkan Koridor raya Multimedia untuk menarik para pelabur asing dan tempatan menempatkan kegiatan multimedia mereka di negara ini dan kita yakin dengan negara membuat persediaan awal dalam era teknologi maklumat, Malaysia akan terus maju dan makmur.

"Apa yang diperlukan untuk menentukan usaha terbaru itu berjaya ialah sokongan semua pihak," katanya.

Terdahulu, seorang daripada anggota Lembaga YTSP, Tan Sri Prof Awang Had Salleh membaca nukilan citra "Mahathir bin Mohamad."

Sempena penganugerahan itu Perdana Menteri turut menerima wang masing-masing sebanyak RM100,000 daripada YTSP dan kerajaan negeri Perlis termasuk sepersalinan pakaian. -- BERNAMA

IQ RON